

# Perdana Menteri umum berita baik hari ini

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengumumkan satu berita baik berkaitan barangan makanan hari ini, kata Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil.

Beliau bagaimanapun enggan memberikan perincian dan meminta orang ramai menunggu pengumuman Perdana Menteri itu.

“Ada berita baik daripada Perdana Menteri. Tidak lebih daripada itu. Kita tunggu Perdana Menteri.

“Ia menunjukkan apabila kita ada kerjasama yang baik dari sektor industri dan ada persefahaman bahawa niat kita adalah untuk rakyat, kita berupaya membuat pengumuman seperti yang akan diumumkan oleh Perdana Menteri esok (hari ini),” katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Mydin Mart Pantai Dalam dan Penyerahan Sumbangan Aidiladha di sini semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan Mydin, Datuk Ameer Ali Mydin.

Mengulas lanjut, Fahmi yang juga Ahli Parlimen Lembah Pan-



Fahmi (tengah) bersama Ameer (dua dari kiri) merasmikan Mydin Mart Pantai Dalam dan Penyerahan Sumbangan Aidiladha, Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

tai berkata, Kerajaan Perpaduan yang dipimpin oleh Anwar bukan hanya akan menyantuni rakyat, tetapi turut menyelesaikan perkara yang dihadapi.

“Yang cuba kita perbetulkan adalah kelemahan di dalam sistem yang sudah terlalu lama diambil kesempatan oleh kumpulan yang tidak sepatutnya me-

ngambil kesempatan.

“Insya-Allah yang dilakukan bukan untuk hanya kita fokus hari ini, tetapi masa hadapan lebih baik,” katanya.